

NDRC-UMS giat beri pendidikan bencana alam kepada masyarakat


UB 31.08.2023 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC), Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) terus menggiatkan aktiviti memberikan pendidikan awam berkaitan bencana alam kepada masyarakat setempat di Sabah.

Terbaru, NDRC telah mengadakan siri Program Pendidikan Awam Bencana Alam di Kampung Melangkap Baru, Kota Belud baru-baru ini.

Pengarah NDRC, Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Carolyn Melissa Payus, berkata program itu bertujuan meningkatkan kesedaran kepada masyarakat di kawasan terpilih untuk sentiasa berwaspada terhadap bencana alam.

“Sepanjang program ini, kami menjemput penceramah profesional dari luar dan dalam UMS untuk memberikan perkongsian,



PRAKTIKAL: Peserta turut menjalani latihan kecemasan banjir bersama APM, Kota Belud.

ekstrim, banjir dan aliran puing, tanah runtuh, gempa Bumi dan pengurusan bencana negara,” katanya.

Beliau berkata program itu telah melibatkan penduduk setempat termasuk murid sekolah, belia dan pengusaha homestay.

“Untuk itu, kami juga

akan mengadakan pameran kebakaran dan pameran poster bencana alam sebagai persediaan menghadapi bencana di samping menambah pengetahuan berkaitan risiko bencana alam,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor menyokong usaha pengan-

kan kepada orang awam tentang bencana alam seperti gempa bumi, banjir dan aliran puing, tanah runtuh dan kemarau.

“Program ini penting untuk meningkatkan lagi aspek kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap pelbagai kejadian bencana alam yang sering melanda,” katanya.